

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NASIONAL

Kementerian Kesihatan uji sampel 37 PUI sejak 10 Januari

Sepang: Kementerian Kesihatan sudah menguji sampel bagi 37 Pengesanan Kes Yang Disyaki (PUI) direkodkan membabitkan 18 warga Malaysia, 18 warga China dan satu warga Jordan.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata ia adalah ujian sejak 10 Januari sehingga jam 10 malam kelmarin.

Selain itu katanya, sehingga jam 3 petang kelmarin, 164,692 pengembara tiba di semua pintu masuk antarabangsa negara sudah disaring.

"Daripada jumlah itu, sembilan pengembara dirujuk untuk pemeriksaan lebih lanjut.

"Bagaimanapun, semua mereka didapati tidak memenuhi kriteria PUI 2019-nCoV sebagaimana yang ditetapkan dalam tatacara pengurusan virus 2019-nCoV No 02/2020.

"Pengembara ini dibekalkan dengan kad amaran kesihatan, iaitu jika gejala yang dialami semakin serius, pengembara berkenaan perlulah mendapatkan rawatan segera di fasiliti kesihatan yang berdekatan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melawat Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan KLIA2 di sini, semalam.

Sebelum ini, Dr Dzulkefly berkata, ujian makmal sehingga pagi semalam belum dapat mengesahkan sampel bagi lima kes baru positif coronavirus baru.

Katanya, semua kes berkenaan yang dikategorikan sebagai PUI membabitkan warga China.

Katanya, daripada lima kes itu, dua kes di Langkawi, dua di Hospital Kuala Lumpur (HKL) dan satu di Bintulu.

"Bagi lima kes ini, kita masih menunggu keputusan makmal yang akan diketahui dalam masa yang terdekat.

"Selain itu, sehingga kini, 19 kes PUI ini masih dirawat di wad isolasi dan stabil," katanya.

Dzulkefly berkata, sehingga kini, Malaysia mencatatkan empat kes positif 2019-nCoV yang semuanya membabitkan pelancong dari China dan mereka kini dalam keadaan stabil.

Sehingga kini, 19 kes PUI ini masih dirawat di wad isolasi dan dalam keadaan stabil.

Dr Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan

Penularan coronavirus

PM, TPM adakan perbincangan terperinci

Kuala Lumpur: Dua pemimpin tertinggi negara mengadakan perbincangan secara terperinci mengenai penularan coronavirus atau 2019-nCoV, semalam.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkunjung ke kediaman Perdana Menteri, Tun Dr Ma-

hathir Mohamad pada sebelah pagi bagi memaklumkan perkembangan penularan terkini virus itu.

"Pagi ini, saya telah berkunjung ke rumah Perdana Menteri bagi memaklumkan serta berbincang dengan terperinci berkenaan isu coronavirus.


"Saya optimis kerajaan mampu menangani masalah ini dengan se-

gala langkah tegas," katanya menerusi akaun Twitter rasminya.

Kelmarin, Dr Wan Azizah mengengerusikan Mesyuarat Penyelarasan Kluster Novel Coronavirus (2019 nCoV) yang dihadiri beberapa menteri dan ketua agensi seperti Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Ang-

katan Tentera Malaysia (ATM).

Virus 2019-nCoV mula tersebar di Wuhan, China antara hujung bulan lalu hingga awal bulan ini, apabila beberapa individu dikesan memiliki simptom seperti pneumonia, sebelum Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengesahkan ia berpunca daripada coronavirus baharu.



Gantung sementara semua kemudahan imigresen

Pelancong Wuhan, Hubei disekat masuk berkuat kuasa serta-merta

Oleh Zanariah Abd Mutalib, Mohd Nasaruddin Parzi dan Ahmad Suhael Adnan bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan mengambil keputusan mengantung sementara kemasukan rakyat China dari Wuhan dan Wilayah Hubei serta bandar sekitarnya susulan penyebaran coronavirus berkuat kuasa serta-merta.

Pejabat Perdana Menteri da-

lam kenyataan semalam memaklumkan, penggantungan itu membabitkan semua kemudahan imigresen meliputi kemudahan tanpa visa (eNTRY), visa semasa ketibaan, e-visa dan visa manual.

Kemudahan imigresen ini akan diberikan semula selepas keadaan kembali normal.

"Berikutan dengan maklumat terkini, kerajaan mengambil keputusan menggantung sementara semua kemudahan imigresen

iaitu eNTRY (kemudahan tanpa visa), visa semasa ketibaan, e-visa dan visa manual kepada rakyat China dari Wuhan dan wilayah Hubei di kelilingnya.

"Keputusan dibuat selepas mengambil kira perkembangan terkini kes jangkitan novel coronavirus 2019 (2019-nCoV) di negara China, khususnya di wilayah Hubei dan ianya adalah berkuat kuasa serta-merta," kata kenyataan itu.

Kenyataan itu juga menyebut, Wisma Putra akan menyelaras pelaksanaan keputusan ini bersama pihak kerajaan China.

"Kerajaan sudah mengikut prosedur ditetapkan Pertubuhan Ke-

sihatan Sedunia (WHO) dan mendapat nasihat pakar untuk menghadapi dan membendung jangkitan ini dari merebak dengan meluas.

"Pemantauan sudah dibuat dari semasa ke semasa. Pelbagai pihak sedang melakukan usaha yang terbaik untuk mencegah sebarang penularan," katanya.

Menurut kenyataan itu, kerajaan juga mengingatkan kepada semua pihak tidak menyebarkan maklumat yang tidak sah atau palsu berkaitan coronavirus yang boleh menyebabkan ketidakpercayaan kepada masyarakat umum.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL



Dr Dzulkefly (tengah) melihat skrin Pusat Pemantauan Saringan suhu badan bagi mengesan wabak 2019-nCoV di Terminal Ketibaan KLIA, Sepang, semalam. (Foto Luqman Hakim Zubir /BH)

Penularan coronavirus

Tiada kompromi sebar berita palsu

PDRM, SKMM kesan 4 individu tular maklumat tidak tepat

Oleh Zanariah Abd Mutalib dan Saadiah Ismail
nhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) memberi amaran tindakan tegas akan diambil terhadap pihak menyebarkan khabar angin atau berita tidak sahih mengenai penularan coronavirus di negara ini.

Dalam kenyataan bersama semalam, PDRM dan SKMM memandang serius perbuatan penyebaran itu dan tidak akan bertoleransi dengan mereka yang cuba menimbulkan ketakutan, panik dan kegusaran kepada orang awam.

Sehubungan itu, PDRM dan SKMM mengenal pasti empat individu bagi membantu siasatan penyebaran berita palsu berhubung coronavirus.

"Penyebarkan berita palsu boleh diambil tindakan mengikut Seksyen 505 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga dua tahun, denda atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

"Pendakwaan boleh dibuat mengikut Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 yang memperuntukkan hukuman



Pelancong asing memakai topeng muka sebagai langkah keselamatan di KLIA2, Sepang. (Foto Luqman Hakim Zubir /BH)

denda maksimum RM100,000 atau penjara sehingga setahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan," kata kenyataan itu.

Hasil pemantauan PDRM dan SKMM mendapati, media sosial dan pesanan dalam talian menjadi platform utama bagi penularan kandungan dan berita palsu mengenai Novel Coronavirus (2019-nCoV).

Justeru, orang awam digesa menyemak dahulu maklumat atau berita mengenai coronavirus sebelum mempercayai atau menyebarkannya terutama maklumat dikeluarkan pihak lain, selain Kementerian Kesihatan.

Sementara itu, Kementerian Kesihatan akan menyenaraikan berita palsu yang tular di media sosial berhubung kes coronavirus.

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata ia penting bagi memastikan rakyat tidak terpedaya dengan dakwaan berkenaan, sekali gus mencetuskan kebimbangan.

"Saya minta rakyat supaya bersandarkan kepada maklumat (yang sahih). Antaranya daripada Perdana Menteri (Tun Dr Mahathir Mohamad), Timbalan Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail) dan Kementerian Kesihatan," katanya pada sidang media selepas melawat Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan klia2 di sini, semalam.

Kementerian katanya, akan mengeluarkan kenyataan terkini berhubung-penularan virus berkenaan setiap hari.

5 negeri nafi kes jangkitan virus merebak

Kuala Lumpur: Sekurang-kurangnya lima negeri menyangkal dakwaan kononnya berlaku kes 2019 Novel Coronavirus (2019-nCoV) yang sengaja ditularkan pihak tidak bertanggungjawab menerusi laman sosial, semalam.

Penyebaran maklumat tidak benar itu hanya akan mencetuskan kebimbangan dan rasa panik dalam kalangan masyarakat kerana tidak berdasarkan fakta tepat.

Di Kuala Terengganu, Jabatan Kesihatan negeri menafikan dakwaan terdapat lima individu baru pulang dari Wuhan, China, disyaki dijangkiti coronavirus dan sedang dirawat di Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ).

Pengarah Kesihatan negeri, Dr Nor Azmi Yunus, berkata kandungan itu dikesan dimuat naik di Facebook Gabungan Anak Terengganu (Original) oleh individu menggunakan nama Ali Dapicey.

"Sehingga 26 Januari, tiada sebarang kes disyaki mengalami jangkitan coronavirus yang dimasukkan ke mana-mana hospital di negeri ini," katanya.

Selain itu, tular juga di aplikasi WhatsApp kononnya bapa seorang murid Sekolah Kebangsaan Paka di Dungun menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) di HSNZ kerana dijangkiti coronavirus selepas pulang dari umrah.

"Orang ramai dinasihat sentiasa mendapatkan maklumat tepat daripada Kementerian Kesihatan dan mengikuti perkembangan semasa melalui berita disebar media arus perdana berdasarkan sumber rasmi," katanya.

Di Alor Setar, kerajaan negeri menafikan gambar tular di media sosial kononnya terdapat rakyat China melarikan diri ke Pulau Langkawi kerana takut dengan penularan coronavirus.

Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pelancongan, Seni dan Budaya, Pembangunan Keusahawanan negeri, Mohd Asmirul Anuar Aris, berkata pihaknya kecewa dengan tindakan pihak tidak bertanggungjawab yang mereka berita palsu berkenaan.

"Saya memohon netizen jangan membuat perkara yang tidak sepatutnya, ia menjadikan rakyat kelam-kabut dengan berita tidak benar," katanya ketika ditemui selepas program santai sarapan pa-

gi bersama rakyat di Pasar Besar, di sini, semalam.

Asmirul berharap Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dapat mencari dalang dan mengambil tindakan terhadap pihak yang membuat berita palsu berkenaan.

Sebelum ini, tular gambar kedatangan 180 penumpang dari Nanjing, China, di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi melalui penerbangan sewa khas.

Mereka dikatakan pelancong yang dibawa oleh sebuah syarikat pelancongan pada 17 Januari lalu, dan sudah pulang ke China pada Selasa lalu (21 Januari 2020).

Di Kuantan, Jabatan Kesihatan Pahang menegaskan dakwaan kononnya berlaku kes coronavirus di Kuantan yang tular dalam laman sosial adalah palsu.

Pengarahnya, Datuk Dr Bahari Muda Awang Ngah, berkata setakat ini, pihaknya tidak menerima laporan daripada hospital swasta atau mereka yang dirawat kerana disyaki dijangkiti virus berkenaan.

"Kita berharap pengguna laman sosial lebih berhati-hati dan bertanggungjawab memuat naik perkara berkaitan jangkitan virus ini bagi mengelak kebimbangan masyarakat," katanya.

Di Seremban, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan, Datuk Dr Zainudin Mohd Ali menafikan terdapat kes coronavirus direkodkan di Hospital Tuanku Ja'afar (HTJ), di sini seperti tular di laman sosial.

"Saya ingin merujuk maklumat tersebar di laman sosial mengatakan HTJ mempunyai kes 2019-nCoV yang menular sekarang. "Dimaklumkan sehingga 26 Januari (Ahad) Hospital Tuanku Ja'afar Seremban tiada kes membabitkan 2019 nCoV atau wuhan virus," katanya.

Di Georgetown, dakwaan menyangkal Hospital Seberang Jaya (HSJ), Pulau Pinang menerima satu kes coronavirus membabitkan dua warga China, adalah palsu, kata Pengarah Kesihatan negeri, Dr Asmayani Khalib.

Dalam satu kenyataan, Dr Asmayani menegaskan tiada kes disyaki mengalami jangkitan 2019-nCoV dimasukkan ke mana-mana hospital di negeri itu.

Orang ramai dinasihat sentiasa mendapatkan maklumat tepat daripada Kementerian Kesihatan dan mengikuti perkembangan semasa melalui berita disebar media arus perdana berdasarkan sumber rasmi.

Dr Nor Azmi Yunus,
Pengarah Kesihatan Terengganu

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

26 hospital siap siaga kendali kes jangkitan 2019-nCoV

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan sudah mengenal pasti 26 hospital di seluruh negara sebagai langkah kesiapsiagaan bagi mengendalikan kes disyaki jangkitan coronavirus (2019-nCoV) yang memerlukan pemeriksaan dan rawatan lanjut.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata Hospital Sultanah Aminah (HSA) Johor Bahru sebagai contoh adalah hospital rujukan bagi kes yang disyaki dan disahkan positif coronavirus bagi negeri Johor.

"Bagi memastikan penggunaan fasiliti KKM sedia ada yang optimum, kes yang disyaki atau

disahkan positif 2019-nCoV dan berada dalam keadaan stabil akan dirawat dan dipantau oleh Pasukan Perubatan Penyakit Berjangkit HSA di wad isolasi Hospital Permai, Johor Bahru.

"Hospital Permai mempunyai kemudahan yang amat baik dan dikawal rapi oleh polis bantuan bagi memastikan tiada pencerobohan oleh mana-mana pihak yang tidak berkenaan.

"Namun sekiranya ada kes yang kritikal dan memerlukan rawatan dan pemantauan rapi, satu wad isolasi khas telah dikenal pasti untuk digunakan di HSA," katanya dalam kenyataan di laman Facebook Ketua Pen-

garah Kesihatan.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, tatacara pengendalian kes disyaki yang melibatkan fasiliti kesihatan awam dan swasta telah dikeluarkan sebagai rujukan kepada semua anggota kesihatan di lapangan bagi mengesan, mengendali dan menguruskan individu yang disyaki dijangkiti coronavirus.

Dr Noor Hisham turut merakamkan penghargaan kepada semua petugas kesihatan terutamanya di lapangan yang sedang bertungkus-lumus memastikan kejadian kluster jangkitan coronavirus dapat dikawal.

BERNAMA

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : NASIONAL

109,200 budak bawah lima tahun diberi vaksin polio

Kota Kinabalu: Kira-kira 109,200 kanak-kanak berusia bawah lima tahun di Sabah diberikan vaksin polio sehingga Sabtu lalu melalui Kempen Imunisasi Polio Sabah (KIPS 2019/2020) yang dilaksanakan sejak 27 Disember lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata jumlah itu merangkumi 27.93 peratus daripada kira-kira 391,040 kanak-kanak berusia bawah lima tahun di 25 daerah di Sabah.

"Hari ini (semalam) genap sebulan sejak KIPS 2019/2020 dilancarkan. Aktiviti Imunisasi Tambahan (SIA) ini adalah fasa kedua tindakan kawalan dan pencegahan wabak polio di Sabah dengan imunisasi polio dos 1 diberi secara titisan ke mulut (OPV).

"Pelaksanaan SIA di beberapa daerah amat mencabar dari segi logistik dan keselamatan kakitangan kesihatan. Contohnya, mereka perlu menaiki bot atau perahu, meredah air serta berjalan sejauh tiga kilometer (km) untuk sampai ke kampung dituju," katanya dalam kenyataan, semalam.

Untuk rekod, tiga kes polio dicatat di Sabah setakat ini, iaitu di Tuaran, Sandakan dan Kinabatangan.

Pada 8 Disember lalu, Kementerian Kesihatan memaklumkan seorang bayi lelaki berumur tiga bulan dari Tuaran, disahkan dijangkiti polio selepas 27 tahun Malaysia bebas virus itu. BERNAMA

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 2A

RUANGAN : LOKAL

10 BERITA PALSU KORONAVIRUS

1 Tular di aplikasi WhatsApp seorang banduan meninggal dunia di penjara di Sabah akibat jangkitan koronavirus baharu pada Jumaat lalu namun Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memaklumkan maklumat itu palsu.



2 KKM menafikan dakwaan seorang lelaki terlantar di katil hospital di Ipoh, Perak, akibat dijangkiti koronavirus 2019-nCov.

3 Di Melaka, tular seorang kanak-kanak lelaki warga China mendapatkan rawatan di sebuah klinik swasta Ayer Keroh dan dikatakan mempunyai simptom 2019-nCov. Bagaimanapun, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Anfi Dadah Melaka, Low Chee Leong menafikannya.



4 Lima individu dikatakan dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Sultanah Nur Zahirah Kuala Terengganu kerana dijangkiti 2019-nCov menyebabkan Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu menafikan perkara berkenaan.



VIRUS WUHAN

Oleh Suraya Roslan dan Raja Noraina Raja Rahim am@hmetro.com.my



STESEN bas Lapangan Terbang Antarabangsa Pudong, Shanghai lengang selepas khidmat diberhentikan buat sementara waktu akibat penularan wabak koronavirus.



PEKERJA Ilang di Nantong, China menyilapkan sut perlindungan untuk digunakan kakitangan perubatan.

dikenakan terhadap mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab menyebarkan kandungan, khabar angin atau berita tidak sahih mengenai penularan koronavirus baharu," katanya.

Dr Dzulkefly berkata, berikutan itu Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan menyenaraikan berita palsu yang tular di media sosial berhubung kes koronavirus baharu.

"Ini penting bagi memastikan rakyat tidak terpedaya dengan dakwaan itu, sekali gus mencekutkan kebimbangan," katanya.

Pendapat sama turut dikongsi Menteri Komunikasi dan Multimedia Gobind Singh Deo yang menegaskan supaya orang ramai memeriksa kebenaran maklumat mengenai koronavirus baharu sebelum berkongsi maklumat itu.

"Sila periksa maklumat yang anda terima sebelum berkongsi kerana dua atau

tiga hari yang lalu, banyak catatan yang dikongsi kemudian didapati tidak benar dan palsu. Ia telah menyebabkan banyak masalah," katanya.

Gobind berkata, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, Dr Dzulkefly dan Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah dilantik sebagai jurucakap rasmi berhubung wabak itu.

Kementerian Kesihatan akan menyediakan maklumat terkini mengenai virus itu dari semasa ke semasa, melepaskan maklumat menerusi halaman rasmi Facebook dan Twitter, serta sidang akhbar.

Kelmarin, dalam sidang akhbar, Wan Azizah mahu kerjasama semua rakyat Malaysia supaya tidak menyebarkan berita palsu untuk menakut-nakutkan orang ramai.

"Jangan tular berita palsu, menakutkan dengan



Viral palsu bikin gundah

Penyedar info tidak tepat berkaitan koronavirus cetus kegusaran umum

memberi gambaran kita dalam keadaan panik, adalah penting untuk menjaga satu sama lain," katanya.

Malah katanya, status virus koronavirus di negara ini masih dalam keadaan terkawal tanpa perlu mencekutkan suasana panik.

Beliau turut meminta orang ramai untuk mendapatkan maklumat yang tepat daripada pihak KKM dan agensi kerajaan yang berkaitan dan semua pihak dinasihatkan agar tidak menimbulkan keadaan tidak tenteram dengan menyebarkan fitnah atau maklumat yang tidak pasti.



PASUKAN penerbangan memeriksa suhu penumpang kapal terbang di bakul petepasan lapangan terbang di Chongsa, Hunan, China.

Kuala Lumpur

Penularan berita palsu berhubung wabak koronavirus baharu menimbulkan kegusaran dan panik berikutan orang ramai sibuk mahu menjadi 'pakar'.

Bukan saja pihak berkuasa perlu menyelesaikan isu wabak tetapi perlu menepis berita palsu disebarkan pihak tidak bertanggungjawab.

Cabaran ini diakui sendiri Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad yang mengakui penularan berita palsu mengenai wabak itu dilihat kritikal.

"Penularan berita palsu menjadi cabaran yang perlu ditangani kami dalam usaha mengendalikannya penularan wabak 2019-nCoV di negara ini.

"Masalah viral juga memeningkan, selain masalah virus ini. Rakyat diminta tidak mudah terpengaruh dan menyebarkan laporan berita palsu yang boleh menimbulkan ketakutan serta kebimbangan kepada orang ramai," katanya.

Hasilnya, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) mengenal pasti empat individu bagi membantu siasatan penyebaran berita palsu berhubung koronavirus baharu.

Menurut kenyataan bersama PDRM dan SKMM, media sosial dan pesanan dalam talian dijadikan platform utama bagi penularan berita palsu berkenaan.

"Polis dan SKMM memberi amaran tindakan tegas akan

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 4A


RUANGAN : LOKAL

164,692 pengembara disaring

9 dirujuk untuk pemeriksaan lanjut tetapi didapati tidak penuhi kriteria pesakit dalam siasatan



ORANG ramal di KL Sentral memakai penutup hidung sebagai langkah berjaga-jaga berikutan penularan koronavirus baharu, semalam.



Oleh Amir Abd Hamid
amir_hamid@mediapri-
ma.com.my

Sepang

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melakukan saringan terhadap 164,692 pengembara yang tiba di negara ini di semua pintu masuk antarabangsa.

Jumlah disaring bagi koronavirus baharu itu bagi 1 Januari hingga jam 3 petang



Pengembara dibekalkan dengan kad amaran kesihatan"

Dr Dzulkefly Ahmad

kelmarin.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, daripada jumlah itu, sembilan pengembara dirujuk untuk pemeriksaan lanjut.

"Namun semua pengembara itu didapati tidak memenuhi kriteria pesakit dalam siasatan (PUI) 2019-nCoV sebagaimana ditetapkan dalam tatacara pengurusan virus 2019-nCoV No 02/2020.

"Pengembara dibekalkan

5 kes belum disah koronavirus baharu

Sepang: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) belum mengesahkan lima kes pengesanan kes yang disyaki (PUI) koronavirus baharu.

Menterinya Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, lima kes itu, dua kes di Langkawi, dua di Hospital Kuala Lumpur (HKL) dan satu di Hospital Bintulu.

Beliau berkata, KKM menunggu keputusan ujian bagi lima kes pesakit yang mempunyai simptom virus berkenaan.

"Ujian makmal hingga pagi tadi (semalam) belum dapat mengesahkan

sampel bagi lima kes itu yang semua membabitkan warga China.

"KKM menguji sampel bagi 38 kes PUI yang direkodkan iaitu membabitkan 18 warga Malaysia, 19 warga China dan satu warga Jordan.

"Jumlah itu ialah ujian sejak 10 Januari hingga jam 10 malam tadi," katanya di sini, semalam.

Setakat ini, kes positif koronavirus baharu di Malaysia kekal empat.

Sementara itu, Dr Dzulkefly berkata, tiada pelancong dari Wuhan, China yang masuk ke Malaysia sejak 23 Januari lalu.

dengan kad amaran kesihatan.

"Sekiranya gejala dialami semakin serius, pengembara berkenaan perlu men-

dapatkan rawatan segera di kemudahan kesihatan berdekatan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas

melakukan lawatan di kaunter menempatkan mesin pengimbas terma suhu badan dikendalikan pegawai kesihatan di Lapangan Terbang

Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (Klia2) di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan) Datuk Dr Rohaizat Yon, Pengarah Kawalan Penyakit KKM, Dr Norhayati Rusli dan Pegawai Kesihatan KLIA & Klia2, Dr Harishah Talib.

Dalam perkembangan sama, Dr Dzulkefly berkata, pihaknya meminta disegerakan penambahan 12 lagi mesin pengimbas terma suhu badan.

Beliau berkata, ketika ini, KKM memiliki 54 mesin pengimbas terma suhu badan di seluruh negara.

"Perolehan menambah mesin itu sudah pun dibuat, sepatutnya tidak perlu ditangguhkan," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6A

RUANGAN : LOKAL

Johor puas hati tindakan pantas KKM

Johor Bahru: Kerajaan negeri berpuas hati dengan tindakan pantas yang diambil Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam membendung penularan jangkitan koronavirus baharu di negara ini.

Menteri Besar Datuk Dr Sahrudin Jamal berkata, kerajaan negeri sentiasa mendapatkan perkembangan terkini berhubung koronavirus memandangkan sebuah hospital di negeri ini dijadikan lokasi pengasingan bagi mereka yang disyaki dijangkiti koronavirus.

"Saya sudah bermesyuarat dan mendengar taklimat berhubung apa yang KKM sudah dan sedang lakukan



untuk mengawal jangkitan koronavirus daripada tersebar dan saya berpuas hati dengan tindakan diambil," katanya kepada pemberita di sini, semalam.

Terdahulu, Dr Sahrudin mendengar taklimat me-



Kerajaan negeri memandang serius mengenai perkara itu dan akan terus memantau semua pintu masuk utama di negeri ini"

Dr Sahrudin Jamal

ngeni koronavirus di sebuah hospital, dekat sini.

Menteri Besar berkata, kerajaan negeri turut memandang serius mengenai perkara itu dan akan terus memantau semua pintu masuk utama di negeri ini bagi me-

mastikan kawalan dan saringan kesihatan oleh agensi berkaitan sentiasa berjalan lancar.

Sementara itu, tinjauan di Lapangan Terbang Antarabangsa Senai (LTAS) di Kulai menyaksikan semua pegawai LTAS serta orang ramai sangat menitikberatkan aspek kesihatan dengan mengenakan topeng mulut dan hidung.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Senai Airport Terminal Services Sdn Bhd (SATSSB) Md Derick Basir, pihaknya sentiasa bekerjasama rapat dengan Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Johor terutama berhubung saringan kesihatan. - Bernama

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : ANCAMAN KORONAVIRUS DI CHINA

Tiada lagi pelancong Wuhan

Malaysia tidak lagi terima pelancong dari Wuhan, China sejak 23 Januari lalu

SEPANG

Malaysia tidak lagi menerima pelancong dari Wuhan, China sejak 23 Januari lalu.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, situasi itu seiring dengan langkah



FOTO: ASRILASWANDI SHUKOR

Dr Dzulkefly melakukan lawatan kerja susulan penularan wabak koronavirus di KLIA 2 semalam.

Status koronavirus

Setakat jam 6 petang
27 Januari 2020

Jumlah positif wabak
2,744 orang

Jumlah kematian
81 orang

Negara terlibat

- China
- Jepun
- Korea Selatan
- Taiwan
- Thailand
- Amerika Syarikat
- Hong Kong
- Singapura
- Macau

China yang mengisytiharkan sekatan udara dan darat terhadap 11 juta penduduk wilayah itu.

“Tidak ada lagi pelancong dari Wuhan,” katanya yang menafikan laporan kononnya Malaysia masih menerima pelancong dari wilayah yang terjejas akibat koronavirus.

Menurutnya, selain sibuk menangani virus koronavirus, Kementerian Kesihatan (KKM) turut berusaha menanganikan berita palsu yang tular di media sosial.

“Kita ada dua masalah iaitu virus (koronavirus) dan viral



DR DZULKEFLY

(berita palsu).

“Masalah meruncing kini ialah berita palsu kononnya hanya Malaysia tidak menutup pintu masuk kepada warga China,” katanya pada sidang media selepas melakukan lawatan kerja di Lapangan Terbang Antarabangsa

KLIA dan KLIA2 di sini semalam.

Turut hadir Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), Datuk Dr Rohaizat Yon dan Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit, Dr Norhayati Rusli.

Pelbagai berita palsu bertebaran di media sosial boleh

KKM sahkan terima laporan suspek terbaharu koronavirus

SEPANG - Kementerian Kesihatan Malaysia mengesahkan menerima laporan berhubung seorang warga China yang bekerja di Bintulu, Sarawak mempunyai simptom koronavirus.

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, wanita tersebut sedang dikuarantin di Hospital Bintulu.

“Setakat ini kita masih menunggu keputusan ujian makmal,” katanya.

Menurutnya, dengan laporan itu, jumlah terkini suspek koronavirus yang dirawat di hospital adalah seramai lima orang.

“Dua kanak-kanak dirawat di Hospital Langkawi dan dua lagi di Hospital Kuala Lumpur,” katanya pada

sidang media selepas mengadakan lawatan kerja ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan KLIA2 semalam.

Terdahulu, satu laporan polis berhubung individu yang mengalami simptom koronavirus di Bintulu menjadi tular di media sosial.

Laporan itu antaranya menyebut wanita berusia 25 tahun berkenaan ke Wuhan atas urusan kerja pada 11 Januari lalu sebelum tiba dan transit di Kota Kinabalu, Sabah lima hari kemudian.

Dia terus bekerja di pejabat seperti biasa dan pada 26 Januari wanita itu pergi ke Hospital Columbia Asia untuk mendapatkan rawatan selepas mengalami demam.

mencetuskan kebimbangan rakyat.

Sementara itu, Dr Dzulkefly berkata, KKM akan menambah 12 alat pengimbas haba dalam masa terdekat.

“Kita masih menunggu peruntukan daripada Kementerian Kewangan,” katanya.

Menurutnya, setakat ini negara mempunyai 54 pengimbas haba dan ditempatkan di pintu

masuk utama.

“Kalau Menteri Kewangan dapat beri perolehan segera, saya jangka ia tidak akan mengambil masa lama,” katanya.

Setakat ini, seramai empat individu disahkan positif koronavirus manakala lima yang lain disyaki dijangkiti virus berkenaan.

Kesemua yang terlibat ialah warga China.

Empat individu dikenal pasti sebar berita tak benar

SHAH ALAM - Polis Diraja Malaysia dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) memberi amaran bahawa tindakan tegas akan diambil terhadap pihak yang menyebarkan berita palsu mengenai koronavirus.

Dalam satu kenyataan semalam, polis dan SKMM menegaskan ia tidak akan bertoleransi berikutan berita tidak benar yang boleh menimbulkan kekecohan.

“Pemantauan mendapati media sosial dan pesanan dalam talian menjadi platform utama penyebaran

berita tidak benar mengenai koronavirus Wuhan,” kata kenyataan itu.

Menurutnya, setakat ini, polis dan SKMM telah mengenal pasti empat individu untuk membantu siasatan penyebaran berita palsu berkaitan koronavirus berkenaan.

“Sila rujuk sumber rasmi Kementerian Kesihatan (www.moh.gov.my) atau badan kesihatan antarabangsa (www.who.int) bagi mendapatkan maklumat sahih mengenai koronavirus Wuhan,” katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : SINAR NEGERI

109,232 kanak-kanak di Sabah diberi vaksin polio

KUALA LUMPUR – Seramai 109,232 kanak-kanak di Sabah berumur lima tahun ke bawah diberi vaksin dalam bulan pertama Kempen Imunisasi Polio Sabah bagi menangani virus berkenaan yang mula dikesan di

negeri itu pada Disember lalu. Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah itu merupakan 27.93 peratus daripada 391,040 kanak-kanak lingkungan usia berkenaan di 25 daerah di Sabah.

Beliau berkata, kanak-kanak terbahit dikenal pasti melalui Supplementary Immu-



DR NOOR HISHAM

nisation Activity (SIA) yang dilancarkan Disember lalu.

“SIA merupakan fasa kedua aktiviti tindakan kawalan dan pencegahan wabak polio yang mana dos pertama vaksin diberi secara titisan ke mulut,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Noor Hisham berkata, pelaksanaan SIA di beberapa daerah amat mencabar dari segi logistik dan keselamatan kakitangan.

“Mereka perlu menaiki bot atau perahu, meredah air serta berjalan sejauh tiga kilometer untuk sampai ke kampung

yang dituju.

“Justeru, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada petugas kesihatan dan sukarelawan di lapangan yang sedang bertungkus-lumus dalam menyelamatkan negara daripada polio.

“Mereka ini bukan selebriti TV dan dunia perfileman. Mereka adalah *the invisible public health* dan wira-wira yang tidak didendang oleh masyarakat umum dan media. Hargailah jasa petugas kesihatan tatkala perkhidmatan ini semua masih ada,” katanya.

SIA dilancarkan selepas seorang bayi berusia lapan bulan di Tuaran, Sabah dilaporkan dijangkiti virus polio.

Ia merupakan kes pertama selepas 27 tahun negara bebas daripada penyakit tersebut.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
 MUKA SURAT : 2
 RUANGAN : NEWS/ STORY OF THE DAY

CORONAVIRUS OUTBREAK

VISA FACILITIES SUSPENDED FOR TOURISTS FROM WUHAN, HUBEI

Decision made to prevent further spread of virus; 12 more thermal scanners sought

TEH ATHIRA YUSOF
 AND ESTHER LANDAU
 KUALA LUMPUR
 news@nst.com.my

MALAYSIA has suspended all visa facilities for Chinese tourists from Wuhan and Hubei as part of its measures to combat the 2019-nCoV coronavirus outbreak.

The Prime Minister's Office (PMO) yesterday said this included electronic travel registration and information facilities, visa-free entry, visa on arrival, e-visa and manual visa applications.

It said the decision was made due to the development of the coronavirus outbreak.

Wuhan, the capital city of Hubei, is the epicentre of the coronavirus outbreak.

"Since cases of the 2019-nCoV were reported in China, the government has been following guidelines set by the World Health Organisation (WHO) and referred to medical experts on ways to prevent the virus from spreading.

"Observation is being done from time to time, while the relevant authorities are doing their best to prevent further spread of the infection.

"The (visa) facilities will be reinstated once conditions return to normal. Wisma Putra will coordinate with the Chinese government on the decision."

The PMO reminded the public to avoid spreading false information on the virus as it could trigger panic among the people.

The government last month announced that in conjunction with Visit Malaysia Year 2020, it would provide a 15-day visa-free entry



for tourists from China and India for one year from Jan 1.

The introduction of the visa-free entry was to encourage more visitors from the two countries to visit Malaysia.

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said there had been no visitors from Wuhan to Malaysia since Jan 23, the same day Chinese authorities implemented a lockdown on the city.

The ministry, he said, was working with the Immigration Department to obtain information on tourist arrivals from China to Malaysia before Jan 23.

He said to date, 164,692 visitors entering Malaysia had undergone thermal screening at all entry points. Of those screened, nine were referred to hospitals for further checks.

He said the nine, however, did not fulfil the patient-under-investigation novel coronavirus criteria, such as fever, cough, fatigue and breathing difficulties.

"The travellers were given health alert cards where, if their symptoms worsen, they need to get immediate treatment at nearby health facilities," he said after inspecting international entry points at Kuala Lumpur International Airport and klia2 yesterday.

The ministry, he said, had requested for 12 additional thermal scanners to strengthen health screening at all entry points.

He said there were four positive 2019-nCoV cases in Malaysia and five pending cases (those awaiting results of laboratory tests), all involving Chinese nationals.

Of the five, two are in Langkawi, two in Kuala Lumpur and the latest in Bintulu.

He said the Health Ministry



would ensure that healthcare frontliners were safe from exposure to the coronavirus.

"If any of them show symptoms, they need to seek immediate treatment. Our frontliners are our assets. It is important for us to stress hygiene standards with medical officers and workers, and to not take any chances," added Dr Dzulkefly.

Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail yesterday held a meeting with Prime Minister Tun Dr Mahathir Mohamad at the latter's residence to update him on the coronavirus outbreak, which has since spread to more than 14 countries.

"This morning, I visited Dr Mahathir at his residence to inform and discuss issues relating to the coronavirus. I am optimistic that the government can overcome this problem with all stringent measures taken," she tweeted.

On Sunday, she chaired a 2019-nCoV coordination cluster meeting, which was attended by ministers and heads of the National Disaster Management Agency, police and army.

The 2019-nCoV outbreak was first detected in Wuhan, China, late last month, when several individuals were found to have displayed pneumonia symptoms. The WHO later confirmed that it was a new type of coronavirus.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NEWS/ STORY OF THE DAY



Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad (left) greeting travellers at Kuala Lumpur International Airport in Sepang yesterday. BERNAMA PIC

Ministry trying to mitigate impact on tourism industry

KUALA LUMPUR: The Tourism, Arts and Culture Ministry will review its target of bringing in 30 million international tourists with more than RM100 billion in receipts for the Visit Malaysia 2020 (VMY2020) campaign.

This is being done following problems faced by more than 60 Malaysian tour agencies whose clients are mostly tourists from China.

The businesses are expected to be severely affected by the Chinese government's directive to cancel inbound and outbound tour groups amid the novel coronavirus (2019-nCoV) outbreak.

Deputy Tourism, Arts and Culture Minister Muhammad Bakhtiar Wan Chik said the ministry conducted a closed-door meeting with tourism industry players, including hotel operators and airline companies, to discuss the impact of the tightening of quarantine policies imposed by the Chinese government.

"The ministry will review and check if the target fixed for VMY2020 can be achieved due to the outbreak of the virus.

"At the moment, we are not sure how long this episode will last.

"Some quarters feel that this is only temporary, but there are those who believe that it will take some time for the situation to return to normal.

"We have not made any decision on this since we are discussing ways to mitigate the impact on Malaysia's tourism industry due to the virus outbreak."

The *New Straits Times* yesterday reported that the Chinese government's suspension of inbound and outbound tour groups would affect Malaysia's tourism industry, with losses running into millions of ringgit.

Malaysian Association of Tour Agencies and Travel Agents (Matata) president Datuk Tan Kok Liang had said that local tour companies were informed by their counterparts in China about the temporary suspension effective today.

According to Malaysia Tourism Promotion Board statistics, China was the third biggest source of foreign tourists after Singapore and Indonesia from January to



Tourists wearing face masks at KL Sentral in Kuala Lumpur yesterday. PIC BY NIK HARIFF HASSAN

September last year.

It was reported that Malaysia was targeting 3.2 million tourists from China through several promotional campaigns launched in conjunction with VMY2020.

Bakhtiar said he was informed during the meeting that there had been a significant reduction in tourist arrivals from China, as well as Malaysian tourists to China as fears among the people over

the deadly virus escalated.

"Members of the Malaysian Inbound Tourism Association were the most affected by the decline in Chinese tourists.

"They hoped that the government could provide assistance to alleviate the losses.

"The ministry is finding alternatives to the problems, including identifying markets in other countries.

"It was discussed during the meeting that hotel and resort operators, as well as airline companies, could come up with attractive tour packages targeting local tourists to make up for the decline in Chinese tourist arrivals."

The ministry, he said, was looking at other solutions to minimise the impact from the reduction in tourist arrivals from China.

"The ministry is doing all it can to mitigate the situation to help those in the tourism industry."

In Kedah, more tourists from China have cancelled their plans to visit Langkawi following the outbreak of the coronavirus.

Kedah/Perlis chapter of the Malaysian Association of Hotels vice-chairman Razmi Rahmat said many hotel operators on the island had begun to feel the impact of the outbreak.

"Many customers from China have cancelled their hotel reservations."


Page 1 caption: Tourists going through immigration gates at klia2 in Sepang yesterday.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEWS/ STORY OF THE DAY

THE GLOBAL SPREAD OF 2019-NCOV

A new coronavirus labelled as 2019-nCoV is spreading globally after emerging in the central city of Wuhan in China in early December. 2,800 cases have been reported globally and 81 people have died.

PLACES WITH CONFIRMED CASES OF 2019-NCOV



Cops looking for 4 people spreading fake news on virus

KUALA LUMPUR: Four people have landed themselves on the police and Malaysian Communications and Multimedia Commission's (MCMC) radar for disseminating false information on the novel coronavirus (2019-nCoV), or Wuhan coronavirus outbreak. MCMC and police, in a joint statement yesterday, said those found guilty of these acts could face legal consequences, including a fine and imprisonment. "Police and MCMC have identified four people to assist our investigation into the dissemination of fake news related to 2019-nCoV. "Police and MCMC view the matter seriously, and will not tolerate any party that spreads false news on the virus, which could lead to fear, panic or anger among the public, as well as causing dis-

ruption and harm to the country's stability," read the statement. Those caught spreading fake news may be prosecuted based on Section 505 of the Penal Code, which carries a prison sentence of up to two years, or fine, or both. Offenders can also be charged under Section 233 of the Communications and Multimedia Act (CMA) 1998, which carries a maximum fine of RM100,000 or a year's imprisonment, or both. Observations by police and MCMC showed that social media platforms were the mediums used to distribute fake news about the virus. "The people are urged to first verify any information or news about the virus obtained from third parties, apart from the Health Ministry, before sharing it

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION

Social media being 'infected' by fear and fake news

PETALING JAYA: Authorities are battling a different "viral" problem of fear-mongering on social media over the novel coronavirus.

Health authorities in several states have had to come forward to debunk fake news on infections.

In Melaka, state health and anti-drug committee chairman Low Chee Leong said there were claims of infection involving a seven-year-old boy of Chinese nationality, but tested negative by Hospital Kuala Lumpur several days ago.

"We received a report of the boy seeking treatment at a private clinic in Ayer Keroh for fever on Jan 24 and the clinic wanted to refer the case to the Melaka Hospital.

"However, the boy's family

refused this and instead took him to Hospital Kuala Lumpur where he tested negative for the virus," he told Bernama.

In Penang, health authorities issued a statement denying reports that two Chinese nationals with the virus infection had entered Penang via Thailand.

In Seremban, Negri Sembilan health deputy director Dr Mohd Faid Rashid denied claims surfacing in WhatsApp that a suspected coronavirus patient was admitted to the Tuanku Ja'afar Hospital on Sunday.

In Terengganu, state health director Dr Nor Azimi Yunus denied a posting by "Ali Dapice" on the Gabungan Anak Terengganu

(Original) Facebook claiming five people were admitted to Hospital Sultanah Nur Zahirah for coronavirus upon their return from Wuhan.

Pahang health director Datuk Dr Bahari Muda Awang Ngah also denied a tweet claiming that the first coronavirus case was being treated at a private hospital in the state.

Meanwhile, the Kelantan Health Department has deployed four thermal scanners at the four main gateways at the Malaysia-Thailand border.

Its director Datuk Dr Zaini Hussin said the scanners were being used at the Sultan Ismail Petra Airport in Pengkalan Chepa and at the Immigration, Customs,

Quarantine and Security complexes in Bukit Bunga in Tanah Merah, Rantau Panjang in Pasir Mas and Pengkalan Kubor in Tumpat.

He said that so far there had been no reported cases of suspected coronavirus infection in the state.

Health Minister Danik Seri Dr Dzulkefly Ahmad said the police and Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) were investigating four cases of fake news on the outbreak.

Amid the fears, an online poll to garner public support to persuade a government ban on the entry of Chinese nationals into Malaysia was launched on Saturday.

Although garnering over 375,000

votes, Prime Minister Tun Dr Mahathir Mohamad has since responded by saying that there are no plans to block travellers from China into the country.

There were some comforting news as the Global Health Security (GHS) Index released last October ranked Malaysia third among Asian nations in terms of preparedness in the face of a disease outbreak.

Malaysia was placed 18th among 195 nations surveyed, and is considered "more prepared" to deal with a pandemic.

Among Asian countries, Malaysia is behind Thailand and South Korea but leads Japan, Singapore and Indonesia.

'We are better prepared now'

Dzul: Experience from past outbreaks helps us handle disease

By MAZWIN NIK ANIS
mazwin@thestar.com.my

SEPANG: Past experience in dealing with communicable diseases has helped Malaysia better prepare for such incidents, says Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

The Health Minister said health authorities had previously dealt with incidents such as SARS (Severe Acute Respiratory Syndrome), Nipah, Middle East respiratory syndrome coronavirus (MERS-CoV), H1N1, Ebola and Zika.

He noted that even recently, Malaysia's health authorities have had to deal with an influenza outbreak as well as the return of polio.

"We have a wealth of experience in dealing with communicable diseases. We are always on the alert and it is 'all systems go' when we have an incident.

"We want to assure the public that we are also closely monitoring the situation concerning novel coronavirus," he said after visiting Kuala Lumpur International Airport and Kuala Lumpur International Airport 2 (KLIA2) yesterday.

He said public perceptions were "not accurate" to handle the incident might be aware of how officers act.

"To counter this, we will have daily updates and hope the public will go to reliable sources for news instead of believing what goes viral



Eye on the situation: Dzulkefly (right) checking on a thermal scanner for passengers as he visits KLIA in Sepang.

According to the Global Health Security Index 2019, Malaysia ranks 18th among 195 countries in being able to prevent, detect, and respond to significant disease outbreaks.

Dr Dzulkefly said when there is an incident involving a communicable disease, authorities will monitor it for virulence (the severity or harmfulness of a disease), and any follow-up action would depend on how severe the situation is.

He also admitted that aside from having to deal with the disease itself, the "other pain" is having to counter fake news and misinformation that go viral.

"To counter this, we will have daily updates and hope the public will go to reliable sources for news instead of believing what goes viral

on social media.

"I hope the public will get verified information on the situation through statements by the Prime Minister, Deputy Prime Minister, and the Health Ministry," said Dr Dzulkefly.

He assured the public the ministry will be transparent in providing news and information on the novel coronavirus.

"The ministry will list down fake news that is on social media so that the public will know this information is not true," he said.

He also advised health frontliners especially nurses, to exercise a high level of self-care when dealing with patients, particularly patients-under-investigation (PUIs) for the virus.

"Medical staff are already susceptible to hospital-acquired infections

and that is why they must observe high personal protection while at work," said the minister.

Health authorities said that between Jan 10 and 26, the cumulative number of those identified as PUIs is 37 cases, of which 18 are Malaysians, 18 are Chinese nationals, and one is a Jordanian.

As at 3pm, Jan 26, 164,692 travellers have arrived at Malaysia's international entry points.

Of that number, nine were referred for health checks but did not fit in the definition of those suspected to have coronavirus.

Watch the video
thestartv.com

